

27/08/2002

Graduan UPSI sedia sahut cabaran

GRADUAN baru Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim berazam melaksanakan tanggungjawab sebagai guru dan pendidik berwibawa, sekali gus memikul amanah kerajaan mengikut tuntutan zaman.

Menurut mereka antara tuntutan dan cabaran semasa yang perlu dilaksanakan segera ialah penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Matematik dan Sains.

Selain itu, amanat yang disampaikan Canselor, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun dalam titah ucapannya pada majlis konvokesyen ke-4, agar graduan memikul tanggungjawab sebagai guru dan pendidik dengan berkesan adalah wajar dan bertepatan dengan tuntutan zaman.

Graduan bidang Seni dan Muzik, Latifah Ideris, 28, berkata beliau akan melaksanakan tuntutan dan cabaran itu dengan penuh komited dan prihatin terhadap tuntutan dan cabaran semasa.

"Guru pada abad siber ini berdepan dengan pelbagai cabaran. Justeru, guru harus memainkan tanggungjawab dalam 3M dalam satu nafas, iaitu guru sebagai murabbi, mualim dan muaddib.

"Dalam ledakan globalisasi masa kini, guru tidak boleh bertindak sebagai golongan masyarakat terkebelakang. Sebaliknya, golongan pendidik harus bersifat proaktif, terutama terhadap anjakan paradigma yang dituntut ke arah pembentukan generasi berketrampilan dalam pelbagai bidang.

"Tanggungjawab guru harus digembleng ke arah pembentukan pelajar berketrampilan dan berwibawa dalam pelbagai bidang dan jurusan,"katanya.

Katanya, meskipun prasarana Komunikasi Teknologi Maklumat (ICT) begitu canggih dan mempunyai pengaruh sangat besar dalam dunia pendidikan moden, namun ia tidak dapat menggantikan kehadiran guru di bilik darjah.

Justeru, seorang guru berwibawa harus menjadi ilmuwan, berperwatakan sebagai pendamping berkhak mulia dan pembimbing yang autentik dan berfikiran mendahului zaman.

Mengenai arahan Kementerian Pendidikan agar mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris, graduan Pendidikan Seni, Normiza Mohd, 25, dari Alor Star, pula berkata beliau akan menunaikan tugas sebagai guru yang memahami kehendak pembangunan negara sekiranya diminta mengajar kedua-dua mata pelajaran itu.

Katanya, dunia pendidikan masa kini memerlukan suasana pengajaran yang mempunyai premis lebih terbuka yang menuntut golongan pendidik meletakkan diri mereka sebagai agen perubahan. Tanggungjawab guru harus diuruskan mengikut rentak dan kehendak tuntutan semasa.

"Jadi, gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris perlu disambut baik segenap lapisan pendidik dan rakyat.

"Penggunaan bahasa Inggeris bukan mengekang martabat bahasa Melayu, sebaliknya memberikan persaingan sihat dalam era globalisasi,"katanya.

Graduan lulusan Sains Sukan, Muthiah, 28, berkata beliau yakin penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik akan meningkatkan martabat sudut pandangan pelajar dalam pelbagai bidang keilmuan.

"Kita tahu bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas dalam era teknologi maklumat.

"Justeru, penggunaan bahasa itu dalam mata pelajaran sains dan matematik pasti akan meletakkan generasi pelajar kita ke tahap yang lebih baik, setanding masyarakat ilmuwan antarabangsa," katanya.